

## AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 45

RABU 8HB. NOBEMBER, 1972.

PERCHUMA

*Selamat Hari Raya Aidil - Fitri - Ma'af Dha'ir dan Bathin*

### MAJOR GAUNTLETT DI-KURNIAKAN GELARAN PEHIN SANGGAMARA ASGAR DIRAJA

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah mengurniakan gelaran "pehin" kepada Major Alister Edward Gerald Gauntlett dari pasukan Askar Melayu Diraja Brunei.

Gelaran Pehin bagi Major Gauntlett itu ia-lah Yang Di-Muliakan Pehin Sanggamara Asgar Diraja yang pada mulanya gelaran itu di-kurniakan kepada Major S.D. Butterell juga dari pasukan Askar Melayu Diraja Brunei yang telah tamat tempoh perkhidmatannya.

Istiadat mengurniakan gelaran bagi Yang Di-Muliakan Pehin Sanggamara Asgar Diraja, Major Gauntlett itu telah berlangsung di-Balai Singgahsana, Istana Darul Hana, Bandar Seri Begawan pada petang hari Rabu lepas, 1hb. November, 1972.

Yang Di-Muliakan Pehin Sanggamara Asgar Diraja itu akan menjadi juruiring tentera kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dalam masa keberangkatan rasmi Baginda.

Istiadat menggelar Major Gauntlett sa-bagai Pehin Sanggamara Asgar Diraja itu telah di-selenggarakan di-hadapan Duli Yang Maha Mulia Paduka

ka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan lain2 pembesar negeri.

Hadhir juga dalam istiadat itu ia-lah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautrey; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah; Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja, Dato Seri Laila Utama Awang Isa; Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir dan Yang Amat Mulia Cheteria2.

Istiadat itu telah di-akhiri dengan bacaan do'a selamat oleh Yang Di-Muliakan Pehin Khatib Awang Haji Abdul Hamid bin Metassan.



D.Y.M.M. kelihatan sedang mengurniakan tauliah gelaran kepada Major Gauntlett yang kini bergelar Yang Di-muliakan Pehin Sanggamara Asgar Diraja.

### \$90,000 bagi pembinaan blok sains di-sekolah2

**JALAN MUARA.** — Jabatan Pelajaran telah menguntokkan wang sa-banyak \$90,000.00 untuk membina satu blok sains di-Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait dan satu lagi di-Sekolah Menengah Muhamad Alam Seria.

Jabatan itu juga menguntokkan wang sa-banyak \$10,000.00 untuk membina tiga buah bilek tambahan sains di-Sekolah Menengah Melayu SMJA.

Ini telah di-terangkan oleh Nazir Negara Sekolah2, Awang Suni bin Haji Idris yang juga sa-laku Pegawai Penyelaras Kursus2 Sains, Hisab Moden dan Bahasa Inggeris kepada 34 orang guru yang menamatkan kursus sains paduan di-Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan baru2 ini.

Awang Suni menerangkan Sains Paduan mula di-perkenalkan ka-negeri ini pada awal tahun 1970 oleh sa-ramai 6 orang guru dari aliran Inggeris dan Melayu termasuk sa-orang Penyelia Sains yang

telah menamatkan kursus Perkhidmatan Sains Paduan di-Johor Bahru sa-lama sa-tahun ia-itu 1969-1970.

Sa-bagai perchubuhan guru2 yang mengikuti kursus tersebut telah mula mengajar di-dua buah sekolah di-Bandar Seri Begawan ia-itu 12 darjah di-Sekolah Menengah Melayu SMJA dan 10 darjah lagi di-Maktab SOAS.

Nazir Negara itu selanjutnya menerangkan, guru2 tersebut di-beri kursus lagi di-Kuching pada 17 Ogos 1970 hingga 11 September 1970 untuk sukatan pelajaran Tingkatan II dan sa-kali lagi guru2 itu di-hantar berkursus di-Kuching pada 12 Julai 1971 hingga 30 Julai 1971 untuk mengajar dalam sukatan pelajaran Tingkatan Tiga.

Pada 16 Oktober 1972 kumpulan pertama penuntut2 yang belajar mata pelajaran ini mengambil peperiksaan sains paduan dalam peperiksaan LCE/SRP.

(Lihat muka 8)

### Nama rasmi kepada enam batang jalan di-Bandar Seri Begawan

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berkenan untuk memberikan nama rasmi kepada enam batang jalan di-sekitar Bandar Seri Begawan yang maseh belum mempunyai nama2 yang tertentu sa-lama ini.

Sa-orang juruchakap Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan menyatakan bahawa enam batang jalan itu akan mempunyai nama2 yang di-pilih dari nama orang2 kenamaan dan orang2 yang dianggap berjasa terhadap negara.

(Lihat muka 8)

**PERJUANGAN** bagi meninggikan taraf Guru2 di-Asia telah di-persoalkan dengan panjang lebar di-Persidangan WCOTP di-Tokyo yang di-hadiri oleh 142 orang perwakilan dari Persekutuan Guru2 di-15 buah negara Asia.

Persidangan Guru2 Sa-Dunia kali ke-V kawasan Asia di-Tokyo, Kaikan itu telah di-hadiri oleh Negeri2 dari Australia, Brunei, Fiji, Filipina, Hongkong, India, Indonesia, Jepun, Singapura, Laos, Malaysia, New Zealand, Sri Lanka, Taiwan dan Negeri Thai telah berlangsung di-Tokyo akhir bulan lepas.

Thema persidangan ia-lah 'Perjuangan bagi Taraf Guru2 di-Asia' dan tajok tersebut dipetik dari sokongan yang di-buat di-persidangan khas antara Kerajaan yang berlangsung di-Paris dalam tahun 1966 di-bawah anjoran UNESCO/ILO mengenai taraf Guru2.



Rombongan PGGMB bergambar ramai di-bangunan Tokyo Aoyama Kaikan dalam masa rehat sebelum persidangan di-sambung semula.

Pengenalan dudok dari kiri: Awang Shahbudin, Mr. H.A. Dunning, Ketua Perhubungan Sekerja Jabatan Perhubungan Buroh (ILO) juga salah sa-orang Penserarah persidangan; Mr. M. Haines, Yang Di-Pertua Persekutuan Guru2 Australia, salah sa-orang Pengerusi Sidang Pleno dan Pg. Mustapa.

Berdiri dari kiri: Pg. Besar, Pg. Tuah, Awg. Juned, Pg. Md. Yassin, Mr. W.E. Ulrich, Penulong Setiausaha Agong WCOTP kawasan Asia, Awg. Hj. Daud dan Awg. Mohiddin.

## PERJUANGAN MENINGGIKAN TARAF GURU2 RANTAU ASIA

— oleh: A. RAHIM WALLI

Brunei telah di-wakili ka-persidangan itu oleh Persekutuan Guru2 Melayu Brunei. Ia-nya telah di-ketuai oleh Awang Shahbudin bin Saleh, Yang Di-Pertua PGGMB. Pg. Mustapa bin Pg. Metasan, Timbalan Setiausaha Agong PGGMB dan Awang Hj. Md. Daud bin Serudin, Bendahari Agong PGGMB.

Lima orang dari PGGMB juga ikut serta dalam rombongan itu sa-bagai pemerhati. Mereka ia-lah Pg. Tuah b. Pg. Hj. Chuchu, Pg. Besar b. Pg. Hj. Ahmad, Awang Juned b. Mustapa, Pg. Md. Yassin b. Pg. Metasan dan Awang Mohiddin b. Ghafar.

Menurut pertemuan saya dengan Setiausaha rombongan ka-persidangan itu, Pg. Mustapa b. Pg. Metasan yang telah pun berada di-tanah ayer menyatakan persidangan itu telah beriangsong sa-lama lima hari mulai 18hb. September bulan lepas dan telah di-rasmikan oleh Menteri Pelajaran Jepun, Dr. Osamu Inaba.

Intisari tajok yang di-binchangkan itu ia-lah: (a) Hak2 dan tanggung-jawab2 guru; (b) Syarat2 pengajaran dan pengajian yang berkesan; (c) Gaji guru2 dan keselamatan sosial; (d) Prinsip2 bimbingan dan objektip2 dan dasar2 pendidkan; (e) Persediaan untuk pekerjaan; (f) Pelajaran lanjutan untuk guru2; (g) Pekerjaan dan kerjaya; dan (h) Kekurangan guru.

Menurut Pg. Mustapa lagi persidangan berjalan dengan baik dan lancar sungguh pun sa-kali sa-kala terdapat per-binchangan hangat.

Bahasa2 Jepun dan Inggeris ada-lah perantaraan persidangan. Mana satu bahasa yang di-gunakan di-terjemahkan ka-dalam bahasa Jepun atau Inggeris.

Aleh bahasa di-sampaikan oleh pengalah bahasa sa-chara

langsung melalui alat 'ear-phone' dan pengalah2 bahasa chekap2 belaka sa-olah2 persidangan itu di-jalankan dalam satu bahasa saja.

Pengiran Mustapa menyampaikan rasa kegembiraan-nya kerana persidangan itu berjaya menghasilkan sokongan2 untok di-laksanakan oleh Persatuan Guru2 di-Asia.

Beliau menerangkan, sokongan2 itu ada-lah rumusan dari lima sidang pleno. Tiap2 sidang pleno di-sertai oleh perwakilan dari Brunei.

Perwakilan dari Brunei itu juga telah di-minta membuat cheramah khas di-salah satu sidang pleno atas tajok "Objektip2 dan Dasar2 Pendidkan di-Brunei" yang telah di-sampaikan oleh Pg. Mustapa b. Pg. Metasan sendiri.

Dalam cheramah yang memakan masa kira2 10 minit itu beliau telah memberi tahu perwakilan di-sidang itu mengenai pendidkan di-Brunei yang serba serbi-nya di-berikan oleh Kerajaan dengan per-chuma bermula dari sekolah2 rendah, menengah dan tinggi.

Sa-tiap tahun anak2 Brunei telah di-hantar oleh Kerajaan melanjutkan pelajaran mereka ka-luar negeri seperti ka-United Kingdom, Canada, Australia, Malaysia, Singapura dan Cairo.

Sa-lepas saja cheramah itu di-sampaikan beliau telah di-hujani oleh berbagai2 pertanyaan dari perwakilan itu yang meliputi di-sekitar pelajaran dan sa-telah di-beri penerangan2 atas pertanyaan2 itu para peserta perwakilan sa-olah2 dapat merasakan Brunei mempunyai dasar pelajaran istemawa dengan syarat2 perkhidmatan yang baik.

Pengiran Mustapa sa-lanjut-nya menerangkan, ke-

banyakan apa yang di-perjuangkan oleh perwakilan dari negeri2 lain tidak-lah dapat di-lakukan di-Brunei kerana kebanyakan apa yang mereka perjuangkan itu telah pun kita nikmati sekarang.

Umpama-nya, kita telah pun di-beri chuti khas dengan bergaji penoh untok mengahdhi ektibiti2 guru di-dalam atau di-luar negeri.

Dalam satu mashuarat yang berasingan bagi Badan Pentadbiran Chawangan WCOTP (World Confederation of Organizations of the Teaching Profession) yang berlangsung sa-lama dua hari pada 22hb. September di-Ibu Pejabat Persatuan Guru2 Jepun dan di-Fairmount Hotel Tokyo telah di-hadiri oleh 38 orang perwakilan termasuk Awang Shahbudin dan Pg. Mustapa.

Dalam mashuarat tersebut antara lain telah membangkitkan satu chadangan supaya menghapuskan Jawatankuasa Asia dan menggantikan-nya dengan Majlis Tahunan Asia yang akan di-anggotai oleh sa-orang wakil dari tiap2 sa-buah Persatuan yang menjadi ahli.

Chadangan pembentokan Mashuarat Tahunan Majlis Asia yang di-persetujui pada dasar-nya itu buat permulaan telah membahagikan kawasan Asia kapada empat bahagian.

Bahagian2 itu ia-lah TIMOR JAUH mengandongi Hongkong, Jepun, Filipina, Korea dan Taiwan. ASIA TENGGARA mengandongi Brunei, Republik Khemar, Indonesia, Laos, Malaya, Sarawak, Singapura, Negeri Thai dan Vietnam. ASIA BARAT mengandongi Bangladesh, India, Iran, Nepal, Pakistan dan Sri Lanka. PASIFIK SELA-

TAN mengandongi Australia, Fiji dan New Zealand.

Majlis itu juga bersetuju melantek tiga orang Pegawai sa-bagai mewakili kawasan Asia yang juga akan bertanggung jawab untok mewakili WCOTP di-sabahagian kawasan Asia yang tertentu dengan tugas supaya mengukoh atau menyediakan makalah2 untok penerbitan di-dalam Majallah 'ECHO' dan menchari serta menamakan tempat b a g i mengadakan Mashuarat Tahunan Majlis Asia atau Seminar jika di-minta oleh tuan rumah yang menyanggapi-nya.

Ketua2 perwakilan ada-lah dengan sendiri-nya menjadi chalun Pegawai Kawasan Asia itu termasuk-lah Yang Di-Pertua PGGMB dan PGGMB sendiri mendapat satu suara. Tiga buah negeri termasuk Singapura dan Malaysia telah berjaya di-pilih untok memegang jawatan Pegawai kawasan Asia.

Sa-lain dari membinchangkan chadangan2, majlis itu juga telah menerima laporan mengenai resolusi2 yang telah di-buat dalam Mashuarat Majlis Asia pertama yang diadakan di-Delhi, India tahun lalu.

Sa-telah persidangan itu berakhir, Kesatuan Guru2 Jepun telah memberi peluang kapada peserta sidang untok melawat tempat2 yang menarek dan bersejarah di-negeri itu.

(Lihat Muka 6)

**K**ALAU kita mengikuti dan memahami ayat2 suci Al-Quran, kita akan mengetahui bahawa pada tiap2 ayat di-mana Allah memerintahkan di-kerjakan sembahyang sa-lamanya di-iringi dengan perintah di-keluarkan zakat. Terang-lah sudah bahawa kedua2-nya sama2 penting dan sama2 rukun Islam yang mesti di-laksanakan.

Sebab itu Saidina Abu Bakar Al-Sidek r.a.

bersikap keras dan tegas terhadap mereka yang tidak mau mengeluarkan zakat. Di-waktu Khalifah yang pertama itu baru saja di-pileh menjadi Khalifah menggantikan Rasulullah s.a.w. yang baru wafat, maka sa-bahagian kaum munafik mengumumkan bahawa mereka tidak mau mengeluarkan zakat oleh kerana Nabi Mohammad telah wafat. Khalifah Abu Bakar amat terharu terhadap sikap kaum murtad yang membezakan antara kewajiban sembahyang dan kewajiban zakat itu. Sebab itu dengan mengirinkan pasokan2 bersenjata ka-negeri kaum murtad itu, mereka di-suruh taat kepada perintah Allah.

Barangkali ada orang bertanya: Kalau begitu Uqama Islam di-ialankan dengan kekerasan dan paksa. Sa-benarnya bukan begitu, kalau memang mereka telah mengaku beragama Islam mesti-lah mereka mengerjakan segala perintah yang wajib, tetapi tidak sukakan Islam tidak-lah di-naksa memeluk Uqama Islam. Berdasarkan hakikat ini-lah Khalifah Abu Bakar bersikap keras dan tegas sa-hingga Uqama Islam dengan segala rukun2-nya yang di-gunchang oleh kaum murtad itu dapat berdiri kembali dengan tegahnya.

Allah Subhanahu - wataala

# MENGELUARKAN ZAKAT FITRAH DAN HARTA MERUPAKAN JALAN PEMBERSEH HARTA DAN DIRI



## KHUTBAH JUMA'AT

**"Menyerahkan zakat harta dan zakat fitrah kepada amil2 yang di-lantek oleh kerajaan itu ada-lah di-jamin sah"**

yang maha pemurah lagi maha mengesihani akan hamba2-nya telah menyediakan dan men-churahkan segala keperluan dan kesenangan hidup manusia, kepada mereka telah di-churahkan berbagai2 nekmata dan rahmat yang tiada terhitung nilai dan banyak-nya. Hanya nekmata itu tidak di-berikan sama banyak kepada tiap2 orang, berlebeh dan berkurang yang menyebabkan terjadi-nya gulungan kaya dan gulungan miskin, gulungan berada dan gulungan tidak berada.

Sa-benar-nya harta benda yang melimpah2 pada orang2 kaya dan yang berada itu tidak-lah semua-nya bergantung kepada usaha-nya sendiri, melainkan ada-lah juga rahmat daripada Allah Subhanahu-wataala. Berapa banyak orang yang men-churahkan tenaga

membanting tulang dari terbit matahari sampai terbenam matahari hanya mendapat gaji atau hasil yang hanya cukup untuk mengalas perut anak isteri, dan berapa banyak pula orang yang tidak begitu susah payah berusaha tetapi mendapat keuntungan dan hasil yang berlipat ganda. Oleh sebab itu sa-patut-nya kalau mereka yang mendapat nekmata yang berlipat ganda itu membantu orang yang fakir dan miskin dengan jalan mengeluarkan zakat yang wajib.

Ada pun zakat itu terbahagi kepada dua bahagian. Yang pertama, zakat diri atau zakat fitrah dan yang kedua zakat harta. Kedua2-nya wajib di-keluarkan sa-telah cukup dan sempurna syarat2-nya. Zakat arti-nya kebersehan. Jadi sa-orang yang tiada mengeluarkan zakat berarti harta-nya masih belum bersehan ia masih menahan hak orang lain. Firman Allah Subhanahu-wataala yang bermaksud:

*"Wahai Mohammad, ambillah dari jumlah harta benda kaum muslimin itu zakat untuk membersehan dan mensucikan mereka dengan-nya".*

Kebersehan dan kesucian yang di-timbulkan oleh pengeluaran zakat itu ia-lah kebersehan harta orang yang mengeluarkannya dan kebersehan diri-nya sendiri dari sifat2 bakhlil, tamak, tiada berperikemanusiaan dan lain2 sifat yang merupakan kerendahan budi pekerti.

Di-samping itu dengan mengeluarkan zakat fitrah dan zakat harta dengan ikhlas itu bukan-lah mengurangkan harta malahan Allah Subhanahu-wataala telah menjamin akan mengganti dan menambal lagi harta dan kebajikan sa-seorang itu sa-bagaimana firman-Nya yang bermaksud:

*"Dan zakat yang telah kamu keluarkan yang kamu maksudkan sa-mata2 kerana menuntut keredhaan Allah maka mereka itu di-lipat gandakan".*

Bagi kita di-Brunei ini penyerahan zakat fitrah dan zakat harta itu lebih abdlah di-serahkan kepada amil2 yang di-lantek oleh kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan. Kerana itu amalan yang masih di-teruskan oleh sa-bahagian kecil umat Islam di-negeri ini pada mengeluarkan fitrah atau zakat harta bukan kepada amil yang di-lantek ada-lah di-khuatirkan sa-bahagian-nya tidak memenuhi kehendak2 Uqama Islam yang sa-benar-nya dan ini boleh membawa kepada tidak sah-nya penyerahan zakat atau fitrah itu, yang demikian tentu-lah amalan kita akan menjadi sia2 dan tidak dapat melepaskan kewajiban kita pada mengeluarkan zakat atau fitrah itu.

Oleh yang demikian ada-lah di-serukan supaya tuan2 tiada akan keberatan dan bertanggoh2 pada mengeluarkan zakat harta dan zakat fitrah, serahkan-lah dia kepada amil2 yang di-lantek oleh kerajaan Duli Yang Maha Mulia, dengan demikian penyerahan itu bukan sahaja dalam bentuk-nya yang lebih abdlah dan lebih pahalanya bahkan juga menjamin sah-nya zakat dan fitrah tuan2 itu.

## Derma untuk Rumah Orang Tua

**KUALA BELAIT.** — Majlis Perkhidmatan Masyarakat Daerah Belait telah menerima derma sa-banyak \$9,084.00 dari Persatuan Bekas Pelajar2 Sekolah2 Saint Michael dan Saint Angela, Seria.

Wang itu ia-lah sa-bagai bantuan kepada Rumah Orang2 Tua di-Seria, yang di-kendalikan oleh majlis tersebut.

Jumlah wang itu ia-lah hasil dari kutipan yang di-dapati dari acara perlumbaan jalan kaki yang di-anjarkan oleh persatuan itu pada 8hb. Oktober yang lalu.

Wang itu telah di-serahkan kepada Setia Usaha Persatuan tersebut, Puan Hong Chieu Lan kepada Pengerusi Lembaga Pentadbir Rumah Orang2 Tua, Yang Berhormat, Pehin Dato Derma Setia Dato Setia Awang Coates dan naib pengerusi, Dr. T. Panch, di-rumah orang2 tua baru2 ini.

Juga hadir dalam majlis penyampaian itu ia-lah Father McClorey, Yang Di-Pertua

Persatuan itu, Puan Gopinath dan Tuan Leo Abad, penasehat2 persatuan tersebut.

Majlis Perkhidmatan Masyarakat Daerah Belait itu juga telah menerima derma sa-banyak \$1,731.00 dari House of Gammon, Lumut, \$100.00 dari Puan Leung Yuk Lan, dan \$33.00 dari sa-orang penderma yang tidak di-kenali.

## Dua di-tangkap kerana tidak puasa

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Sa-orang umat Islam di-Daerah Brunei-Muara, akan di-hadapkan ka-Mahkamah Shara'iah di-Bandar Seri Begawan, kerana makan dan minum di-khalayak ramai sa-masa bulan puasa.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Hal Ehwal Uqama menyatakan, sa-orang lagi umat Islam telah juga di-tangkap di-Daerah Belait tidak lama dulu.

Juruchakap itu menambahkan, jika di-dapati salah, mereka akan di-denda sa-banyak \$50.00 bagi kesalahan pertama, \$75.00 bagi kesalahan kedua, dan \$100.00 bagi kesalahan ketiga.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 8hb. Nohember, 1972 hingga ka-hari Selasa 14hb. Oktober, 1972 ada-lah saperti di-bawah ini:-

| Hari       | Bulan | Dzohor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Terbit |
|------------|-------|--------|------|--------|------|-------|-------|--------|
| 8hb. Nob.  | 12-10 | 3-28   | 6-07 | 7-22   | 4-34 | 4-49  | 6-06  |        |
| 9hb. Nob.  | 12-10 | 3-28   | 6-07 | 7-22   | 4-34 | 4-49  | 6-06  |        |
| 10hb. Nob. | 12-10 | 3-28   | 6-07 | 7-22   | 4-34 | 4-49  | 6-06  |        |
| 11hb. Nob. | 12-11 | 3-29   | 6-07 | 7-22   | 4-35 | 4-50  | 6-07  |        |
| 12hb. Nob. | 12-11 | 3-29   | 6-07 | 7-22   | 4-35 | 4-50  | 6-07  |        |
| 13hb. Nob. | 12-11 | 3-29   | 6-07 | 7-22   | 4-35 | 4-50  | 6-07  |        |
| 14hb. Nob. | 12-11 | 3-29   | 6-07 | 7-22   | 4-35 | 4-50  | 6-07  |        |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



(8hb. Nobember, 1972).

## YG. KITA MAHU

**L**EMBAGA Bandaran, Bandar Seri Begawan sa-jauh ini sudah banyak melaksanakan usaha2 yang lebih serius yang meliputi kepada pembiasaan bandaran dan seterusnya melaksanakan penyusunan rancangan yang lebih rapi terhadap penyempurnaan tempat2 penjualan hasil2 pertanian seperti sayur2an, buah2an dan lain2 tanaman serta pasar jualan barang2 runcit. Pembersehan bandar juga berjalan dengan lancar-nya sa-hingga kawasan Bandar Seri Begawan dikatakan oleh orang2 asing sebagai mempunyai kebersihan yang menyenangkan. Mereka menyangka bahawa Singapura ia-lah satu2-nya negara di-rantau ini yang elok dan berse, tetapi bila mereka berkunjung ka-Brunei, khas-nya bila mereka di-sekitar BSB, hati mereka berbisik yang Brunei tidak kalah dengan Singapura dalam soal kebersihan ini. Sabenar-nya, kita tidak berkehendakkan pujian2, apa lagi dengan membandingkan Brunei dengan negara2 yang mempunyai kemajuan yang begitu pesat dan menarek minat yang jitu di kalangan negara2 gergasi, tetapi jika benar-lah pandangan atau pujian terhadap Brunei itu lahir dari perasaan yang tersendiri yang di-takkan oleh tersendiri yang di-takkan oleh manusia apabila berhadapan dengan sa-suatu yang benar2 indah itu, maka memang lumrah kita beri balasan dengan ucapan terima kaseh atau sa-kurang2-nya kegembiran kita turut sama kita rasakan dalam artikata yang sabenar-nya. Apa yang sa-benar-nya kita kehen-daki dalam hal menyanjong, baik dalam apa bidang sekali pun yang berhubung dengan negara kita ini, ia-lah sanjongan dan pujian yang berse atau tidak mengandongi sa-barang maksud yang sebalak-nya.

Berhubung dengan pelaksanaan yang ujud dalam negara kita ini, khas-nya di-sekitar BSB yang di-kerjakan oleh Lembaga Bandaran, maka tidak-lah ber-lebahan kita katakan kerja2 itu di-buat dengan chara pengolahan yang tersendiri sekada mana yang terdai oleh tenaga2 yang ada yang berpe-gang tegoh kepada hasrat ke-pala negara kita ia-itu D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan. Dan, akhir2 ini lembaga itu telah mula memberikan nama2 rasmi kepada beberapa batang jalan di-sekitar BSB. Dari nama2 jalan itu, di-timbulkan lagi kebiasaan kita orang2 Brunei yang sentiasa mengenang orang2 yang berjasa. Kita memang menghormati orang2 yang berbudi dan ini-lah chara pengajaran datok-ninik kita yang maseh di-praktikkan oleh angkatan Brunei yang ada sekarang.

Suasana Hari Raya terasa benar indah dan nikmat-nya apa lagi di-kalangan mereka yang berjaya berpuasa sa-bulan dan membanyakkan ibadat di-sepanjang bulan itu. Mudah2an timbul kesedaran yang lebih mendalam terhadap kehendak2 Islam dan tidak menjadikan Hari Raya itu untuk menunjukkan kemegahan masing2 di-segi material yang hanya mengusongkan kantong sendiri. Maaf dhahir dan bathin.

# MENJELANG PEPEREKSAN SPM/MCE-STP/HSC

(dari tinjauan ringkas oleh Awang Alidin Othman)

**K**ITA sekarang telah pun berada di-penghujung tahun 1972 dan satu perkara yang biasa berlaku di-masa ini ia-lah datang-nya musim peperiksaan. Bulan lalu peperiksaan SRP/LCE telah pun selesai di-jalankan dan bulan ini tiba pula giliran chalun2 peperiksaan SPM/MCE dan STP/HSC dan juga peperiksaan2 akhir tahun. Di-ambang bulan Disember, pelajar2 kelas2 dewasa, trengkas, menaip dan steno serta kerani2 di-jabatan2 kerajaan akan menduduki peperiksaan dalam jurusan masing2. Bagaimanapun renchna ini akan menumpukan perhatian kepada peperiksaan2 SPM/MCE dan STP/HSC kerana kedua2 peperiksaan ini-lah yang selalu menarek perhatian umum.

Dalam tahun 1972 ini sahaja sa-ramai 1,726 orang chalun akan mengambil peperiksaan SPM/MCE. Dari jumlah ini 860 akan mengambil peperiksaan SPM dalam aliran Melayu dan 866 orang pula akan mengambil peperiksaan SPM dalam aliran Inggeris. Manakala sa-ramai 277 orang chalun akan mengambil peperiksaan STP/HSC, 159 orang akan mengambil peperiksaan STP dalam aliran Melayu dan 118 orang akan mengambil peperiksaan STP dalam aliran Inggeris.

Dalam peperiksaan2 SPM/MCE dan STP/HSC chara2 peperiksaan yang biasa di-lakukan ia-lah: (i) lisan; (ii) praktikal; dan (iii) bertulis. Dalam hal ini peperiksaan2 dalam bahagian lisan dan praktikal telah pun selesai di-jalankan dan bahagian bertulis (written) hanya tinggal beberapa hari sahaja lagi sa-belum ia-nya di-adakan.

Apa-kah penting-nya peperiksaan itu di-adakan? Memang tidak kita nafikan, peperiksaan ada-lah penting bagi menentukan kemajuan pelajaran sa-sebuah negeri atau masyarakat, kerana kemajuan pelajaran ada-lah satu daripada kriteria untuk menentukan kemajuan sa-sebuah negara.

Ada beberapa tujuan peperiksaan di-adakan. Tujuan utama ia-lah untuk menguji kebolehan pelajar2 tentang pelajaran2 yang telah di-pelajari. Sa-lain daripada itu peperiksaan juga ada-lah sa-bagai "passport" untuk naik darjah atau mendapatkan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran kaperengkat yang lebih tinggi lagi. Peperiksaan juga merupakan satu chara untuk mendapatkan pekerjaan atau naik pangkat.

Bagi peperiksaan2 di-perengkat SPM/MCE dan STP/HSC, peperiksaan bukan sahaja setakat untuk menguji pengetahuan tentang satu2 mata pelajaran tetapi yang lebih penting ia-lah untuk menguji kebijaksanaan dalam chara berfikir, menyusun pendapat2 atau apa yang di-sebut sa-bagai pendekatan (approach). Dalam erti kata yang lain kematangan dalam berfikir ada-lah di-perlukan kerana:

- bagi chalun2 SPM/MCE, perengkat ini ada-lah titik tolak untuk melanjutkan pelajaran ka-kelas2 pra-universiti, ka-sekolah2 vokashenal, teknikal dan maktab2 yang memberikan (offer) kursus2 professional untuk mendapatkan diploma seperti di-Institut Teknologi Mara, dan di-Maktab Pertanian Malaya, Serdang.
- bagi chalun2 STP/HSC pula ada-lah sa-bagai syarat untuk masuk universiti di-mana

pusat2 pengajian tinggi memerlukan chara berfikir yang lebih matang dan mengeluarkan pendapat2 yang bernas kerana institusi2 pelajaran tinggi adalah pusat bagi latihan mental atau mental training bukan sa-bagai kilang untuk mengeluarkan siswazah2.

Walaupun peperiksaan di-angap sa-bagai "kayu pengukur" untuk menguji kebolehan sa-seorang tetapi pada hakikat-nya ia maseh merupakan satu yang "relatif". Ini dapat-lah kita dasarkan kepada pendapat2 yang selalu di-utarakan mengenai peperiksaan. Umpama-nya, ada orang mendasarkan bahawa pelajaran yang telah di-pelajari dalam masa sa-tahun tidak dapat di-keluarkan semula dalam masa 1½ hingga 3 jam sahaja atau mungkin ada penuntut yang menunjukan kebolehan yang baik dalam bilek darjah tetapi gagal menunjukan kebolehan-nya yang baik atau gagal langsung dalam peperiksaan dan sebalak-nya. Relatif di-sini juga boleh bermaksud sa-bagai nasib atau sa-chara kebetulan. Umpama-nya, sa-tengah penuntut mendasarkan kepada soal-an2 ramalan (SPOTTING QUESTIONS) yang kebetulan pula keluar di-dalam peperiksaan.

— ★ —

Bagaimana pula dengan kesan2 peperiksaan? Hal ini boleh kita tinjau dari dua segi, ia-itu sa-belum peperiksaan dan kesan sesudah peperiksaan. Satu perkara biasa yang selalu terdapat di-kalangan chalun2 ia-lah timbulnya perasaan 'panic'. Ini berlaku mungkin di-sebabkan kerana:

- tidak habis mengulangkaji mata2 pelajaran yang hendak di-amal dalam peperiksaan;
- tidak tahu topik yang harus di-beri keutamaan atau pelajaran mana yang harus di-berikan perhatian yang lebih;
- rasa bimbang dan kuarir yang timbul daripada keadaan atau sikap penuntut2 yang lain yang sama2 mengulangkaji pelajaran mereka.

Akibat dari keadaan2 atau sebab2 yang di atas, ada di-antara penuntut2 yang tidak dapat mengulangkaji dengan chara yang sistematik. Umpama-nya, ada yang belajar hingga larut malam atau sampai ka-pagi atau kadang2 ada yang menggunakan pill atau drug supaya tahan berjaga. Ini boleh menyebabkan kesihatan mereka terganggu sa-belum dan semasa menghadapi peperiksaan, sedangkan semasa peperiksaan di-jalankan kesihatan perlu di-jaga dengan rapi.

Dalam menghadapi suasana peperiksaan ini chalun2 juga tidak bagitu mengindahkan soal2 lain melainkan semata2 menumpukan kepada peperiksaan sahaja.

Bagaimana pula kesan sa-lepas peperiksaan? Dalam hal ini kita akan melihat beraneka ragam tabiat atau kelakuan chalun2 yang baru sahaja selesai menghadapi peperiksaan. Salah satu kesan yang dapat di-lihat ia-lah perasaan gembira, muka2 yang berseri2 dengan penoh senyuman kerana apa yang telah di-tela'ah sa-lama ini keluar dalam peperiksaan dan dapat di-tackle' dengan mudah-nya.

Tentu-nya ini akan memberi kepada chalun2 itu untuk mahu menhuba dengan lebih baik lagi dalam kertas2 yang lain, di-samping memberi harapan kepada mereka untuk mendapatkan 'tiket'

bagi melanjutkan pelajaran kaperengkat yang lebih tinggi lagi. Tidak kurang pula ada yang berbinchng tentang peperiksaan yang baru sahaja di-hadapi dan chuba membandingkan jawapan2 atau hujjah2 masing2, dan ada pula yang bertanya kepada kawan2 soal-an2 mana yang di-buat atau di-chuba.

Di-samping itu terdapat juga wajah2 yang muram, sedih, malah ada yang menangis kerana soal-an2 peperiksaan yang baru sahaja di-hadapi tidak menepati seperti apa yang di-duga. Ada juga yang tidak banyak chakap kerana walaupun dapat menjawab soal-an2 tetapi jawapan2 itu tidak memuaskan. Implikasi yang timbul dari keadaan ini ia-lah kadang2 boleh melemahkan semangat chalun2 dan mungkin pula akan melibatkan ketenangan fikiran dalam menghadapi kertas2 yang selanjut-nya.

Apa yang telah di-bicarakan tadi ada-lah perkara biasa yang terjadi sa-belum dan sesudah menghadapi peperiksaan. Walaupun kita telah mengketengahkan tujuan2 dan kesan daripada peperiksaan, kemungkinan timbul satu tanda tanya di-kalangan pelajar2 apakah satu chara atau teknik belajar yang lebih efektif? Tentang hal ini tidak-lah dapat di-kemukakan suatu teknik yang efektif kerana ia merupakan hak milik persorang. Soal teknik belajar lebih banyak bergantung kepada keadaan pelajar2 dan suasana sekitar-nya. Akan tetapi dalam banyak hal perbinchangan atau 'discussion' antara kawan2 mengenai sesuatu topik yang penting ada-lah chara yang di-akui baik dan berkesan dalam mengulangkaji.

— ★ —

Kebetulan pula pada masa ini pelajar2 sedang berchuti puasa dan ada yang balek ka-kampung dan ada yang tinggal di-asrama. Bagi mereka yang tinggal di-asrama ini merupakan satu peluang yang baik jika di-gunakan dengan sewajarnya, tetapi bagi mereka yang tinggal bersama keluarga mungkin menghadapi kesulitan terutama pelajar2 perempuan lebih2 lagi pada masa ini sedang menghadapi persiapan2 hari raya — tentu-nya akan meluangkan sedikit masa untuk persiapan2 hari mulia yang di-tunggu2 itu.

Dalam jangka masa yang tidak pun sampai sa-minggu lagi dalam mana chalun2 akan berada di-perut dewan2 peperiksaan, apa yang utama bukan-lah untuk mengulangkaji timbunan buku2 dari kulit ka-kulit dan nota2 yang tebal tetapi lebih baik dengan chara berbinchng atau pun membaca nota2 ringkas (short notes) dan sa-kali sa-kala melapangkan fikiran.

Dalam membuat persediaan2 akhir untuk peperiksaan chalun2 harus-lah teliti dalam memilih bahan2 ulangkaji seperti buku2 panduan dan ulasan2 serta kertas2 ramalan. Chalun2 jangan-lah hendak-nya bergantung bulat2 kepada bahan2 ini kerana ada di-antara-nya yang tidak mementingkan mutu atau teknik yang sesuai bagi kegunaan peperiksaan walaupun ada juga di-antara-nya yang boleh di-jadikan panduan jika betul2 sesuai untuk kegunaan peperiksaan. Dan semasa berada di-dalam dewan2 peperiksaan chalun2 patut-lah tenang dan gunakan kebijaksanaan dalam membahagi masa untuk

(Lihat muka 8)

## SUDUT PERUSAHAAN BUMIPUTERA

# DARI KEGIATAN PENGANGKUTAN LAUT SA-CHARA KECHIL2AN MENJADI SA-BUAH SHARIKAT YANG TERUS BERKEMBANG

**DI-BANDAR** Seri Begawan, terdapat beberapa buah sharikat kepunyaan bumiputera. Di-antara-nya termasuklah SHARIKAT HAJI NAIM DAN SHARIKAT BURUH DERMAGA MELAYU yang beribu pejabat di-nombor 80, Jalan Robert, Bandar Seri Begawan. Kedua2 sharikat ini ada-lah kepunyaan sa-orang bumiputera dan dia sendiri menjadi pengurus-nya. Beliau ia-lah Awang Haji Ismit bin Pengarah Mukim Haji Naim.

Sharikat Haji Naim telah di-tubuhkan pada tahun 1958 dengan pekerja2-nya lebih kurang 20 orang. Pada mulanya sharikat ini hanya bergiat dalam bidang perkapalan sa-chara kechil2an sahaja untuk mengangkut barang2 kepunyaan sharikat2 tertentu dari Bandar Seri Begawan ka-Labuan, Lawas, Limbang dan waktu itu sharikat ini hanya mempunyai sa-buah kapal kechil sahaja tanpa pejabat yang tetap.

Di-perengkat awal-nya a, sharikat ini memang ada menghadapi kesulitan2 terutama sekali soal kewangan. Ini merupakan perkara biasa bagi sharikat2 yang baru muncul. Akan tetapi atas usaha yang sungguh2 dan terus menerus masalah ini telah dapat di-atasi. Ini di-dorong pula keinginan beliau untuk mencheburkan diri dalam bidang perniagaan dan perusahaan yang sudah pun tersemat di-jiwa beliau sejak dibangku sekolah lagi. Keinginan untuk berniaga dan usaha yang serious ini-lah yang telah membawa sharikat ini meningkat ka-merchu kejayaan walaupun tanpa menerima apa2 bantuan mau pun galakan dari mana2 pihak.

Awang Haji Ismit terus giat berusaha untuk memajukan sharikat-nya dan hingga sekarang sharikat ini mempunyai organisasi yang teratur mengikut kehendak2 zaman, dengan pejabat yang tetap, pengurus dan kerani2. Oleh kerana sharikat Haji Naim ini sudah berkembang maka kira2 10 tahun sa-lepas di-tubuhkan ia-itu pada tahun 1968, sharikat ini telah di-bahagikan kepada 2 bahagian, menjadi SHARIKAT HAJI NAIM dan SHARIKAT BURUH DERMAGA MELAYU.

Dengan berkembang-nya sharikat ini maka kapal2 kechil yang pada mula-nya cuma sa-buah sahaja kini bertambah menjadi 3 buah. Ini di-tambah pula dengan 7 buah lori, sa-buah forklift dan 10 buah trolley. Di-pejabat, sa-lain daripada Awang Haji Ismit sendiri menjadi pengurus sharikat, terdapat juga 4 orang kerani untuk membantu menguruskan perjalanan sharikat.

dari tinjauan

AWANG ALIDIN OTHMAN

Jumlah pekerja2 juga turut bertambah. Sharikat2 ini mengambil sa-ramai 45 orang pekerja tidak termasuk kerani2 yang bertugas di-pejabat. Dari jumlah ini lebih tiga perempat daripada-nya terdiri daripada orang2 tempatan. Pekerja2 yang berjumlah 45 orang ini di-bahagikan pula kepada dua bahagian, ia-itu pekerja2 tetap yang berjumlah 30 orang dan pekerja2 sambilan berjumlah 15 orang. Jika kerja2 pemungghahan kago di-dermaga kastam bertambah maka bilangan pekerja2 sambilan juga akan ditambah.

Satu masalah yang di-hadapi dalam mengambil pekerja, ia-lah melateh pemandu2, serang dan jurutera2 untuk kapal2 sharikat. Kerana ini mengambil masa yang agak lama untuk mendapatkan pekerja2 yang terlateh dalam bidang2 tertentu.

Tentu-nya kita ingin mengetahui apakah jenis2 perusahaan atau perniagaan yang di-kendalikan oleh sharikat2 ini.

Sa-telah sharikat H a j i Naim, ia-itu sharikat yang asal di-bahagikan kepada dua bahagian, maka sharikat Haji Naim menumpukan kerja2 dalam bahagian perkapalan, penjualan minyak di-Sungai Brunei dan menjadi wakil dua buah sharikat insurance ia-itu FIRST INSURANCE COMPANY MALAYSIA SENDIRIAN BERHAD dan PACIFIC AND ORIENT UNDERWRITERS COMPANY PTE LTD. Manakala sharikat Buruh Dermaga Melayu pula menumpukan kerja2 dalam bahagian pemungghahan dan pengangkutan darat.

Sa-bagai tambahan kepada kegiatan2 yang di-jalankan, sekarang sharikat ini juga menjual barang2 runchit. Dan di-suatu ketika dulu Awang Haji Ismit pernah mengusahakan sa-buah teksi tetapi beliau tidak dapat me-

neruskan-nya kerana ingin menumpukan masa yang lebih untuk urusan2 sharikat.

Pada masa ini kapal2 kechil kepunyaan sharikat H a j i Naim mengendalikan Kago2 biasa atau "general cargo" dan juga mengangkut minyak Shell untuk di-hantar ka-Limbang, Lawas, Labuan dan Weston. Sharikat Buruh Dermaga Melayu pula mengendalikan kerja2 pemungghahan dan pengangkutan darat untuk 35 buah sharikat, tetapi setakat ini belum lagi menerima tempahan dari Kerajaan. Kerja2 yang di-kendalikan oleh sharikat ini meliputi pemungghahan dari kapal ka-dermaga kastam, kemudian mengeluarkan dari dermaga kastam dan membahagi2kan-nya ka-tempat2 tertentu di-Bandar Seri Begawan, Muara Tutong, Seria dan Kuala Belait. Ini berarti perkhidmatan sharikat ini tidak hanya terhad di-kawasan Bandar Seri Begawan sahaja tetapi meliputi ka-seluruh negeri.

Ada-lah di-harapkan sharikat Buruh Dermaga Melayu ini akan dapat memainkan peranan yang penting apabila pelabohan ayer dalam di-Muara di-buka untuk perkapalan antarabangsa.

Awang Haji Ismit mengatakan bahawa keuntongan dan sambutan orang ramai terhadap sharikat ini ada-lah sungguh menggalakkan. Dan dengan galakkan ini moga2 akan dapat menguatkan lagi azam beliau untuk terus bergiat memajukan perusahaan yang ada sekarang.

Bila di-tanya apa-kah yang menjadi rahsia kejayaan ke-



Awang Haji Ismit.

dua2 sharikat ini, beliau mengatakan "kejayaan saya ia-lah kerana usaha saya yang bertungkus lumus untuk memajukan-nya". Saterus-nya beliau juga menyarankan bahawa faktor penting yang boleh membawa kejayaan sa-seorang dalam bidang perusahaan dan perniagaan ia-lah "kerja yang baik dan mempunyai pergaulan yang luas dengan orang ramai".

Sa-lain daripada menjalankan perusahaan2 tadi, sharikat Haji Naim juga mempunyai 2 buah rumah pangsa satinggi tiga tingkat yang terletak di-Batu 2, Jalan Gadong. Kedua2 rumah pangsa ini telah di-bena dalam tahun2 1966 dan 1970 dan mempunyai 24 buah bilek.

Dan satu perkara yang menjadi chita2 Awang Haji Ismit ia-lah tentang masa depan kedua2 sharikat ini. Tentang ini beliau mengatakan "Saya akan terus berusaha untuk memperluaskan dan memperbaik lagi perusahaan saya ini". Kita juga mengharapkan kedua2 sharikat ini akan terus berjaya.

Bagitu-lah usaha gigih dan kemahuan yang kuat yang telah membawa tercapai-nya kejayaan beliau. Bermula dari sa-buah sharikat dengan sa-buah kapal tanpa pejabat yang tetap, sekarang berkembang menjadi dua buah sharikat, dengan tiga buah kapal dan pejabat yang lengkap di-tambah pula dengan 2 buah rumah pangsa. Usaha ini memang bersesuaian dengan pepatah kita Melayu "sedikit2 lama2 jadi bukit."

## Majalah Tafsir siri ke-11 sedang di-jual

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majalah "TAFSIR DARUS-SALAM" siri ke-11 terbitan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei sekarang sudah terbit dan di-jual kepada orang ramai dengan harga \$0.50 (lima puluh sen) sa-naskah pada 1hb. Nohember, 1972.

Dalam keluaran kali ini "TAF-

SIR DARUS-SALAM" memuat antara lain2: Tafsiran dan huraian ayat (116) hingga (129) dari Surah Al-Baqarah.

Majalah tersebut boleh di-beli dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan dan chawangan-nya di-semua daerah di-negeri ini.

## SOKONG-LAH TABONG PEMBINAAN STADIUM

## DERMA PERSATUAN GURU2 MELAYU BRUNEI UNTUK TABONG PEMBENAAN STADIUM BERTAMBAH :

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Persatuan Guru2 Melayu Brunei sa-takat ini telah menguntokkan wang sa-banyak \$10,420.00 sa-bagai sumbangan kapada tabong pembenaan bangunan stadium bagi memperingati lawatan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen ka-Brunei.

Yang Di-Pertua persatuan tersebut, Awang Shahbudin

bin Saleh menyatakan, keputusan menyumbangkan wang sa-banyak \$10,000.00 telah di-chapai dalam satu mashuarat yang di-adakan dalam bulan yang lalu, dan wang sa-banyak \$420.00 yang lain-nya di-terima baru2 ini.

Awang Shahbudin memberitahu bahawa Persatuan Guru2 Melayu Brunei akan memasang lampu berpendar

di-bangunan persatuan itu di-Bandar Seri Begawan untuk menyukong kempen Jawatan-kuasa penganjur tabong bangunan Stadium itu.

Perkataan2 yang akan ditulis pada lampu berpendar itu ia-lah "MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM".

Kerja2 ka-atas pemasangan lampu berpendar itu sedang di-jalankan.

## PERJUANGAN MENINGGIKAN TARAF GURU2 RANTAU ASIA

(Dari Muka 2)

Mereka di-bawa melawat ka-Nikko ia-itu salah sa-buah Tamin Kebangsaan yang termashor di-negeri Jepun. Di-taman ini terdapat Chandi2 bersejarah saperti Toshogrn Shrinu yang di-bena pada kurun ketujuh belas.

Mencheritakan tentang keadaan di-salah sa-buah sekolah rendah di-Nikko yang sudah berumur 100 tahun, Pg. Mustapa menerangkan bahawa bangunan-nya menarek tetapi disiplin murid2 yang belajar di-dalam-nya mempunyai keistimewaan.

Kata-nya, sekolah yang terletak di-luar bandar itu telah memberi kesan yang luar biasa kapada pelawat2 yang datang mengunjongi-nya, bukan tertarek pada umur bangunan sekolah yang sudah tua itu tetapi murid2 yang belajar di-situ sentiasa menumpukan minat mereka kapada pelajaran.

Nampak-nya murid2 itu tidak mudah terganggu dan teraleh fikiran mereka menghadapi pelajaran sungguh pun pelawat2 di-sekeliling mereka.

Satu perkara istimewa ia-lah guru2 dan murid2 yang belajar di-dalam bangunan sekolah itu di-mestikan menanggalkan kasut di-luar bangunan sa-belum masuk dan mereka hanya memakai selipar khas untuk masuk ka-dalam bangunan itu.

Peratoran itu juga terpaksa di-kenakan kapada pelawat2 yang datang mengunjongi sekolah itu. Orang2 Jepun chup hormat kapada sekolah dan mereka menganggap sekolah ia-lah Mesjid.

Rombongan itu juga di-bawa melawat Tasek Chuzenji, Ayerterjun Kegan dan Ayerterjun Kepala Naga di-mana perjalanan ka-tempat itu sangat menggerunkan kerana jalan raya-nya mempunyai 48 liku yang berakhir di-kemunchak gunung sa-tinggi 4,169 kaki.

Pemandangan dari atas kemunchak gunung itu sangat chantek dan di-situ berakhir la h lawatan rombongan PGGMB sa-panjang hari ka-Nikko.

Di-Bandar Raya Tokyo, rombongan itu di-bawa melawat ka-Menara Tokyo ia-itu sa-buah Menara yang tertinggi sa-kali di-dunia. Dari atas Menara ini Bandar R a y a Tokyo yang terbentang luas dan chantek itu dapat di-lihat dengan jelas-nya.

Menara itu juga mempunyai kegunaan yang tertentu dan beberapa alat saintifik telah di-pasang di-situ, antara-

nya ia-lah penunjuk2 kederaan angin, kilat, gempa bumi, pemancar TV dan tempat Pameran Sains Moden.

Beberapa majlis jamuan telah di-adakan oleh Gubernur Tokyo, Menteri Pelajaran Jepun di-Tokyo Ayoama Kai-kan, Pusat Pendidikan Kebudayaan dan di-Resturan Chinzanso.

Satu chenderamata dari PGGMB yang di-sampaikan oleh Yang Di-Pertua PGGMB Awang Shahbudin kapada Yang Di-Pertua Kesatuan Guru2 Jepun telah juga di-adakan di-majlis jamuan makan itu.

## Wang pendahuluan zakat fitrah telah mulai di-bahagi2kan

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Jumaat — Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Majlis Ugama Islam telah mengeluarkan wang pendahuluan sa-banyak \$31,180.00 untuk di-bahagi2kan kapada lebih dari 2,000 orang yang berhak menerima zakat fitrah di-seluruh negeri mulai hari Khamis, 2hb. Nohember lepas.

Daerah Brunei Muara telah

### 118 orang masok pereksa H.S.C.

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Sa-ramai 118 orang chalu akan mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan yang akan di-mulakan pada 13hb. Nohember depan.

Daripada jumlah itu, sa-ramai 61 orang chalu ada-lah dari Maktab SOAS, 32 chalu persendirian dari daerah2 Brunei-Muara dan Tutong, 11 chalu persendirian dari Daerah Belait dan 14 chalu yang lain-nya dari sekolah2 private di-Daerah Belait.

Peperiksaan tersebut akan di-adakan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan di-Maktab Anthony Abell, Seria.

di-untokkan sa-banyak \$19,700.00; Daerah Belait sa-banyak \$5,990.00; Daerah Tutong sa-banyak \$4,390.00; dan Daerah Temburong sa-banyak \$1,100.00.

Majlis Ugama Islam telah pun memanggil amil2 di-semua daerah masing2 bagi menerima wang tersebut untuk di-serahkan kapada orang2 yang berhak menerima zakat fitrah itu di-kawasan2 mereka.

Amil2 di-Daerah Brunei-Muara telah berkumpul di-Pejabat Hal Ehwal Ugama Bahagian Majlis Ugama Islam di-Bandar Seri Begawan. Amil2 di-Daerah Belait telah berhimpun di-Pejabat Hal Ehwal Ugama Kuala Belait. Amil2 di-Daerah Tutong hadhir ka-Pejabat Hal Ehwal Ugama Tutong dan Amil2 di-Daerah Temburong berkumpul di-Mesjid Utama Mohammad Salleh Pekan Bangar untuk menerima wang2 yang mula di-bahagi2kan kapada yang berhak menerima zakat fitrah itu.

Sementara itu penduduk2 Islam di-neveri ini boleh-lah membayar zakat fitrah mereka kapada Amil2 di-kawasan masing2 sa-berana chepat yang boleh sa-belum tiba-nya Hari Raya.

## KAWASAN LETAK KERETA BERBAYAR DI-LUASKAN

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan telah meluaskan kawasan meletak kereta berbayar di-kawasan bandar mulai dari 1hb. Nohember lepas.

Kawasan meletak kereta baru yang di-kenakan bayaran sa-banyak 20 sen sejam itu ia-lah di-Jalan Elizabeth II; sa-panjang Jalan Pemancha; Jalan Stoney hingga ka-Simpang Jalan Dato Ibrahim; dan Jalan Kianggeh dari simpang Jalan Elizabeth II hingga ka-simpang Jalan Bendahara.

Beberapa orang attendan baru telah di-ambil untuk bertugas di-kawasan2 baru yang di-kenakan letak kereta berbayar itu.

## Pegawai2 kadet pulis lawat P. Daerah

**BANDAR SERI BEGAWAN.** — Sa-ramai lima orang Pegawai2 Kadet Pasokan Pulis Diraja Brunei yang sedang menjalani latihan di-Pusat Latihan Pulis Jalan Muara telah melawat ka-Pejabat Daerah Brunei/Muara dalam minggu lepas.

Rombongan itu di-ketuai oleh ASP Awang Abd. Rahman bin Awang Besar dan telah di-alu2kan oleh Penulong Pegawai Daerah itu Awang Yunos bin Haji Hussain.

Awang Yunos dalam che-ramah-nya di-bilek persidangan Pejabat itu telah memberi tahu kapada Pegawai2 Kadet tersebut mengenai tugas2 di-Pejabat Daerah Brunei/Muara dan ranchangan2 luar bandar yang di-usahakan oleh Pejabat itu.

## Meninggal kerana di-langgar kereta

**GADONG.** — Sa-orang lelaki yang berumur 74 tahun, Haji Sabtu bin Munap telah terbunuh apabila di-langgar oleh sa-buah kereta di-Batu 2½ di-Jalan Gadong pada jam 10.50 pagi hari Rabu lepas.

Haji Sabtu sedang berjalan apabila beliau di-langgar oleh sa-buah kereta yang menuju ka-Gadong dari Bandar Seri Begawan.

Beliau telah di-kejarkan ka-ru-mah sakit di-Bandar Seri Begawan di-mana beliau meninggal dunia kira2 tiga jam sa-lepas kemalangan itu.

Kereta tersebut mendapat keruskan ringan.

# JAWATAN-JAWATAN KOSONG

## AHLI BOMBA SAMBILAN

Pemohon2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan sa-bagai Ahli Bomba Sambilan (Part-time) untuk berkhidmat di-Balai Bomba, Pekan Bangar, Temburong.

2. Syarat2 permohonan ada-lah seperti berikut:-

- Umur di-antara 18 dan 40 tahun.
  - Tinggi badan tidak kurang 5 kaki 4 inci.
  - Tempat tinggal hendak-lah di-dalam lingkungan 1 batu dari Balai Bomba, Bangar.
  - Bersedia pada bila2 masa menghadhiri mana2 kebakaran yang berlaku. Dan akan berkerja dalam sa-minggu sekali dalam masa 2 jam.
  - Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah mendapat kebenaran bertulis daripada ketua2 jabatan. Mereka2 yang berkhidmat dengan sharikat dan lain2 terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada majikan2 mereka.
  - Pemohon2 ada-lah di-kehendaki lulus peperiksaan kesihatan dan mereka mesti-lah mempunyai badan yang tegap.
3. Pemohon2 yang berjaya akan di-berikan keutamaan seperti:-
- Pakaian seragam Bomba (Uniform) akan di-sediakan dan di-bayar sa-banyak \$240.00 pada sa-tahun.
  - Alaon akan di-bayar sa-banyak \$60.00 pada tiap2 3 bulan sa-kali dan di-bayar \$4.00 apabila menghadhiri sa-suatu kebakaran.
4. Borang2 permohonan boleh di-dapati daripada Pegawai Daerah, Temburong, dan hendak-lah di-kembalikan kepada Pegawai Daerah, Temburong, tidak lewat daripada 11hb. Nobember, 1972.

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Pemandu Motor Sangkut Tingkatan II di-Jabatan Perkhidmatan Pos, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman memandu motor sangkut sekurang2-nya sa-lama 2 tahun dan mempunyai sedikit pengetahuan

## SA-BAGAI JURURAWAT TERLATEH DAN JURURAWAT

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Jururawat Terlateh dan Jururawat untuk berkhidmat di-Jabatan Perubatan, Brunei.

Kelayakan2:

Jururawat Terlateh: Mesti-lah terdiri dari Jururawat2 yang berdaftar serta mempunyai kelayakan2 yang di-akui.

Jururawat: Mesti-lah terdiri dari Jururawat2 yang berdaftar serta mempunyai kelayakan2 yang di-akui; DAN mesti-lah Bidan2 yang berkelayakan yang mempunyai kelulusan2 yang di-akui.

Gaji:

Jururawat Terlateh: Dalam sukatan gaji D 3 — \$410x20-510.

Jururawat: Dalam sukatan gaji D 4 — \$540x20-660.

Temuduga:

Temuduga bagi pemohon2 yang di-terima akan di-atorkan tidak

lama sa-lepas permohonan2 di-terima.

Sharat2 Lantikan:

Chalon2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan. Chalon2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi chalon2 yang di-lantek sa-chara berkontrek baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pe-

gawai Perjawatan Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan siji2 kapadanya.

## Sa-bagai Bilal

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Bilal di-Jabatan Hal Ehwal Uga-ma, Brunei.

BILAL:

1 jawatan bagi Mesjid Kampung Lamunin.

1 jawatan bagi Mesjid Kampung Kiudang.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid2 yang berkenaan.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun.
- Mesti-lah mahir dalam membaca Al-Quran dan mengetahui rukun2 Uga-ma Islam.
- Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Kepyah bila2 masa di-kehendaki.
- Pemohon2 mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Uga-ma, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan gaji U. 2 — \$220 x10-390-410x10-430.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapadanya tidak lewat daripada 22hb. Nobember, 1972.

## Sa-bagai Penterjemah Inggeris/Melayu

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 Penterjemah Inggeris/Melayu dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah terdiri dari pada orang2 Melayu, dan lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut serta sekurang2-nya Darjah VI Melayu. Chalon2 mesti-lah boleh membaca dan menulis tulisan Jawi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Chalon2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama tiga tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan. Chalon2 yang berjaya yang terdiri dari

raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-perjawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalon yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baru yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan siji2 kapadanya tidak lewat daripada 13hb. Nobember, 1972.

## Sa-bagai Pemandu Motor Sangkut Tingkatan II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Pemandu Motor Sangkut Tingkatan II di-Jabatan Perkhidmatan Pos, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman memandu motor sangkut sekurang2-nya sa-lama 2 tahun dan mempunyai sedikit pengetahuan

an membaiki kerosakan2 kechil bagi jentera motor sangkut.

Tugas2:

Mereka mesti-lah bersedia berkhidmat di-mana2 daerah di-negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F 2 EB 3 — \$200x5-215/EB/220x5-240.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan2 me-

lalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyerahkan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapadanya tidak lewat daripada 22hb. Nobember, 1972.

**MENDERMA-LAH  
KAPADA  
TABONG  
PEMBINAAN  
STADIUM  
SA-BERAPA  
BANYAK  
YANG BOLEH**

**SI-TUYU** oleh: m. salleh ibrahim



## PENDARATAN PERTAMA BOEING 737 DI-LAPANGAN TERBANG ANTARA BANGSA

**BERAKAS.** — Kapal terbang Boeing 737 penerbangan No. SQ456 kepunyaan Sharikat Penerbangan Singapura ada-lah kapal terbang yang pertama yang membuat pendaratan di-Lapangan Terbang Antara Bangsa Brunei di-Berakas pada hari Rabu lepas.

Kapal terbang tersebut bersama 77 orang penumpang dan 6 orang anak buah-nya dengan di-pandu oleh Captain T.S. Yee telah mendarat pada pukul 11.25 pagi hari itu.

Di-antara yang hadir di-lapangan terbang itu untuk menyaksikan pendaratan tersebut ia-lah Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa, Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan; Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Penerima Momin bin Pengiran Haji Ismail; Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Utama Awang John Lee, dan pegawai2 kanan kerajaan.

Kira 2,000 orang telah berada di-lapangan terbang tersebut untuk menyaksikan pendaratan itu.

Sa-jurus sa-lepas ketibaannya di-lapangan terbang, salah sa-orang dari Lembaga Pengarah Antara Bangsa Singapura,

Awg. Cheong Pak Chow, juga salah sa-orang dari penumpang2 tersebut telah menghadiahkan sa-buah dulang gangsa kepada Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin.

Dulang itu telah di-ukir dengan lambang sharikat penerbangan itu dengan perkataan2 "Kapada rakyat Brunei daripada rakyat Singapura diucapkan salam bahagia, 1 Nohember, 1972".

Doa selamat bagi selamatnya pendaratan itu telah di-bacakan oleh Mudim Mohammad Yusof bin Abdul Latif.

Kapal terbang tersebut telah berlepas balek ka-Singapura pada jam 12.15 tengah hari dengan membawa 85 orang penumpang, 12 orang di-kelas pertama dan 73 orang di-kelas ekonomi.

Tambang sa-bagai pelawat dari Brunei ka-Singapura dan balek ia-lah \$299.00 dan tambang biasa ia-lah \$380.00 tiap2 sa-orang.

Pengurus Sharikat Penerbangan Singapura di-Brunei, Tuan Kenny Loo menyatakan bahawa penerbangan sa-hari sa-kali akan di-adakan dari Singapura ka-Brunei dan balek dengan kapal terbang jenis Boeing 737. Penerbangan yang sama dengan kapal terbang jenis Fokker Friendship yang bermula pada 1 haribulan Oktober telah di-tiadakan.



Awang Cheong Pak Chow (kiri), kelihatan sedang menyampaikan "dulang muhibbah" kepada Pemangku Menteri Besar Y.A.M. Pg. Dipa Negara, Pg. Momin sa-jurus sa-telah Boeing 737 selamat mendarat di-lapangan terbang antara bangsa.

## Pengajian sains paduan di-mulakan sejak awal tahun

(Dari muka 1)

Kursus dalam perkhidmatan sains paduan yang pertama dimana sa-belas orang guru telah di-beri kursus di-Maktab SOAS sa-lama 26 hari mulai 11 Nohember 1970, dan guru2 yang menghadhiri kursus itu ada-lah guru2 pilihan yang akan di-tugaskan untuk mengajar di-Sekolah Menengah Melayu SMJA dan Maktab SOAS.

Beliau selanjut-nya menerangkan bahawa Pengajian Sains Paduan telah di-mulakan di-seluruh negeri pada awal tahun ini bagi semua Sekolah2 Menengah Inggeris dan untuk memulakan rancangan ini sa-ramai 52 orang guru telah di-beri kursus sains sa-kali lagi pada 19 Oktober hingga 4 Nohember 1971.

Sa-takat ini sa-ramai 106 orang guru sains sudah pun menamatkan kursus mereka dan dari jumlah itu sa-ramai 20 orang telah mendapat kursus penoh dan telah pun di-berikan Sijil oleh Jabatan Pelajaran.

52 orang di-kursuskan untuk sukatan pelajaran Tingkatan I dan II dan 34 orang lagi (yang telah menamatkan kursus minggu lepas) di-kursuskan untuk sukatan pelajaran Tingkatan I.

Awang Suni menambah kata, pada bulan Ogos lalu Jabatan Pelajaran melalui Pusat Pelajaran Sains telah dapat mengadakan satu kursus "preliminary sains nuffield tulin" di-mana sa-ramai 19 orang guru2 sains telah hadir dalam kursus itu.

Beliau juga perchaya guru2 tersebut akan di-berikan kursus pe-

noh oleh pakar2 pelajaran dari United Kingdom pada bulan Julai tahun depan jika kebenaran dan persetujuan tertentu di-perolehi.

Jabatan Pelajaran, kata-nya lagi, tidak hanya menumpukan Pelajaran Sains dalam perengkat menengah rendah dan atas saja tetapi juga dalam sekolah2 rendah.

Dengan demikian beliau yakin 'Sains Moden' akan dapat di-perkenalkan ka-sekolah2 rendah darjah 5-6 menjelang tahun 1974.

Untuk memudahkan projek sains ini, Jabatan Pelajaran telah menubuhkan 'Pusat Pelajaran Sains' yang mana Awang Aliddin bin Abd. Rashid telah di-lantik untuk mengelolakan-nya.

Terdahulu sa-belum itu Pengelolan Kursus Sains Paduan, Awang Aliddin bin Abd. Rashid dalam ucapan-nya di-penutup kursus itu telah mengharapakan guru2 supaya mengajar dengan baik dan berkesan.

Upacara penutup kursus itu telah di-hadiri oleh Pmk. Penguasa Pelajaran Melayu, Awang Abd. Razak bin Mohamad dan Penguasa Pelajaran Inggeris, Awang Adamson.

## ISTANA DI-BUKA UNTUK HARI RAYA

**BANDAR SERI BEGAWAN.**

— Istana Darul Hana di-buka kepada orang ramai sa-lama tiga hari mulai Hari Raya kedua bagi berziarah dan mengucapkan selamat hari raya kepada D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta keluarga diraja.

Di-sepanjang waktu itu, Istana di-buka mulai pukul 9.00 pagi hingga pukul 12.00 tengah hari dan dari pukul 2.00 hingga pukul 4.00 petang.

## MENJELANG PEPEREKSAAN

(dari muka 4)

menjawab soalan2. Bacha-lah soalan2 dengan teliti dan pilih soalan yang betul2 boleh di-jawab dengan baik dan kemudian susun-lah jawapan2 dengan chara yang sistematik. Akhir sa-kali, jika ada masa semak-lah jawapan2 kalau sekira-nya ada perkara2 mustahak yang patut di-tambah atau di-tiadakan.

Dalam menghadapi peperiksaan yang kita perkatakan tadi kita berasa bangga kerana terdapat juga orang2 yang tidak dudok di-bangku sekolah sa-chara formal juga mengambil inisiatif untuk mengambil peperiksaan sa-bagai chalun2 persendirian. Usaha mereka ini memang baik kerana walaupun mereka sudah bekerja dan mempunyai masa yang terhad tetapi mereka maseh sanggup dan berkemahuan untuk mengambil peperiksaan. Ini memang sesuai dengan zaman ini di-mana semangkat dan kemahuan

berlumba2 mengejar ilmu pengetahuan ada-lah jelas kerana persaingan sangat hebat untuk mendapatkan pengetahuan dan kedudukan yang lebih baik.

Atas inisiatif dan kesedaran mereka betapa penting-nya pelajaran atau kelayakan akademik yang lebih tinggi itu kita ucapkan tahniah dan moga2 akan mendorong ramai lagi chalun2 persendirian mengambil peperiksaan.

Kapada 1,993 orang chalun2 SPM/MCE dan STP/HSC kita ucapkan selamat menghadapi peperiksaan dan moga2 akan berjaya dengan keputusan yang chemerlang.

"Peperiksaan ada-lah satu perkara yang sukar walau pun kapada mereka yang mempunyai cukup persiapan, kerana si-tolol pun boleh membuat pertanyaan yang melebehi dari apa yang sanggup di-jawab oleh sa-orang pendita" — C.C. Colton (1780 — 1832)

## Jalan yang di-namakan jalan "Pehin Dato Isa"

(Dari muka 1)

Di-antara mereka itu termasuk-lah Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja, Dato Seri Laila Utama Awang Isa.

Mengambil sukut nama beliau itu, maka Jalan di-antara Jalan Sultan dengan Jalan Tasek Lama berdekatan dengan Wisma Puspaka akan di-kenali dengan nama Jalan Pehin Dato Isa.

Jalan yang letak-nya di-Jalan Kumbang Pasang berdekatan dengan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin akan di-kenali dengan nama Jalan U.P. Lynn ia-itu mengambil sukut nama sa-orang yang pernah berjasa dalam penanaman getah di-Brunei dan bekas Pengurus Berakas Estate dalam masa sa-belum dan sa-sudah perang.

Jalan di-antara Jalan Padang dan Jalan Kumbang Pasang akan di-namakan sa-bagai Jalan Dato Mohammed Taib ia-itu bekas Pemangku Setia Usaha Kerajaan Brunei yang sekarang ini menjadi ahli da-

lam Surohanjaya Perkhidmatan Awam.

Jalan di-Jalan Stoney dan Jalan Sultan akan di-kenali dengan nama Jalan James Pearce, sa-orang yang pernah menyumbangkan jasa-nya terhadap perkembangan pelajaran di-Brunei. Beliau juga ia-lah Pegawai Pelajaran Negara yang pertama.

Jalan di-Jalan Tutong yang letak-nya di-batu 24 yang menghalak ka-Tambak Tumasek Lama akan di-kenali dengan nama Jalan Dato' Abbas Al-Sufri ia-itu mengambil sukut nama Yang Di-Muliakan Pe-

hin Orang Kaya Penggawa Laila Bentara Diraja, Dato Utama Awang Haji Abbas Al-Sufri yang juga menjadi Ketua Pegawai Protokol Dalam Istana sekarang ini.

Jalan di-Jalan Tutong menuju ka-Sekolah Melayu Pusu Ulak di-beri nama sa-bagai Jalan Haji Basir ia-itu sa-orang guru Melayu yang banyak menyumbangkan jasa beliau terhadap perkembangan pelajaran di-Brunei dan kemasharakatan.

Beliau sekakrang ini maseh lagi berkhidmat dengan Kerajaan di-Jabatan Kebajikan Masharakat.